

SOALAN NO: 488

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID

SOALAN:

Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah kemudahan-kemudahan yang boleh dinikmati oleh pencarum **PERKESO**.

PR-1352-T01068

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

1. PERKESO menyediakan dua skim perlindungan keselamatan sosial iaitu Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Keilatan. Pada masa ini, caruman pekerja adalah pada kadar 0.5% dan majikan sebanyak 1.75% pada tahap siling gaji caruman bulanan pekerja terhad kepada RM4,000.00.

Skim Bencana Pekerjaan

2. Skim Bencana Pekerjaan memberi perlindungan kepada pekerja yang mengalami kemalangan atau suatu penyakit khidmat yang berpunca atau terbit daripada pekerjaannya. Perlindungan di bawah skim ini meliputi kemalangan perusahaan semasa menjalankan pekerjaannya dan kemalangan semasa dalam perjalanan pergi dan balik kerja.

3. Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada pencarum atau Orang Berinsurans di bawah Skim Bencana Pekerjaan tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- i. Faedah Perubatan
- ii. Faedah Hilang Upaya Sementara
- iii. Faedah Hilang Upaya Kekal
- iv. Elaun Layanan Sentiasa

- v. Faedah Orang Tanggungan
- vi. Faedah Pengurusan Mayat
- vii. Faedah Pinjaman Pendidikan
- viii. Kemudahan Pemulihan Jasmani, Vokasional dan Program *Return To Work* (RTW)

Skim Keilatan

4. Skim ini memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaannya. Orang Berinsurans dianggap sebagai mengidap keilatan apabila mengalami suatu keuzuran yang berkekalan sama ada tidak boleh diubati atau tidak mungkin sembuh serta tidak berupaya mencari nafkah dengan kerja yang berpadanan dengan kekuatan dan tenaganya, sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada keupayaan pekerja yang normal.

5. Faedah-faedah yang disediakan oleh PERKESO kepada pencarum atau Orang Berinsurans di bawah Skim Keilatan tertakluk kepada kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan adalah seperti berikut;

- i. Pencen Ilat
- ii. Bantuan Ilat
- iii. Elaun Layanan Sentiasa
- iv. Pencen Penakat
- v. Faedah Pengurusan Mayat
- vi. Faedah Pinjaman Pendidikan

- vii. Kemudahan Pemulihan Jasmani, Vokasional dan Program Return To Work (RTW)